

**PEMBANGUNAN MENTALITI LESTARI MASYARAKAT MALAYSIA**Zuhaira Nasrin Mohamed Zin & Zul`azmi Yaakob<sup>1</sup>**ABSTRAK****E-JITU**Acceptance date:  
15<sup>th</sup> Oct 2020Valuation date:  
15<sup>th</sup> Nov 2020Publication date:  
15<sup>th</sup> Dec 2020

*Cabaran paling utama dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kemerosotan kualiti alam sekitar di Malaysia adalah dalam berhadapan dengan segelintir individu mahupun masyarakat tertentu yang bermentaliti (cara berfikir) tidak lestari. Biarpun ia bukanlah gambaran keseluruhan mahupun sebahagian besar mentaliti masyarakat Malaysia, namun diibaratkan seperti sikap seorang pemandu kereta yang memandu secara berbahaya di jalanraya sehingga boleh mengancam nyawa semua pengguna lain di jalanraya yang sama walaupun mereka sentiasa mengikut peraturan pemanduan. Justeru, objektif artikel ini adalah membahaskan isu krisis alam sekitar yang berlaku di Malaysia, menjelaskan bentuk mentaliti yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti alam serta menganalisis peranan pendidikan alam sekitar secara rentas kurikulum yang sedia ada. Dengan menggunakan metode analisis dokumen terhadap beberapa penulisan yang membahaskan isu krisis alam sekitar dan pendidikan berkaitan dengannya dalam konteks Malaysia dan global, maka dapatan kajian menunjukkan bahawa perlunya penambahbaikan dalam sukatan dan kaedah penyampaian pendidikan alam sekitar agar ia memberikan impak yang besar dalam membentuk mentaliti lestari dan sejagat.*

Kata kunci: Alam sekitar, mentaliti, pendidikan, krisis kemanusiaan, Malaysia.

**PENDAHULUAN**

Semenjak abad ke-18 Masihi lagi, krisis alam sekitar di serata dunia berlaku dalam skala yang cukup besar terutama sekali di dunia Barat. Situasi tersebut berlaku akibat daripada pembangunan ekonomi secara mendadak bawaan Revolusi Industri di Eropah. Ketika itu kebanyakan barang keperluan manusia dihasilkan secara besar-besaran melalui perindustrian seperti yang berlaku di Great Britain dan Perancis bagi tujuan meningkatkan kualiti kehidupan manusia serta meransang pertumbuhan ekonomi. Akibat kegagalan mengawal aktiviti-aktiviti perindustrian secara menyeluruh sehingga berlakunya pengeksploitasian sumber alam secara besar-besaran, maka kesan negatif yang ditanggung oleh alam sekitar adalah krisis

<sup>1</sup> Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

dan pencemaran yang serius (Schafer, 2018). Sarjana alam sekitar seperti Rachel Carson (1962) melalui bukunya *Silent Spring* berpandangan bahawa aktiviti perindustrian merupakan penyumbang utama kepada krisis alam, malah kesan pencemaran yang dilakukannya amat sukar ditangani dalam tempoh yang singkat. Akibat daripada aktiviti-aktiviti perindustrian yang kini banyak beralih ke negara-negara di Asia, maka tidak dinafikan bahawa pencemaran alam sekitar juga semakin ketara di dunia Timur termasuklah Malaysia dan Indonesia (Nurulnabila Anis & Maizatun, 2019).

### **KRISIS ALAM SEKITAR DI MALAYSIA**

Pencemaran alam sekitar secara global yang berlarutan sehingga ke hari ini merupakan hasil daripada mentaliti dan sikap tidak bertanggungjawab manusia terhadap persekitaran terutama sekali pengeksploitasian sumber alam atas kapasiti ekonomi dan industri (Meng, Kelly & Wright, 2020). Kesan daripada eksploitasi ini menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar sehingga kepada tahap di luar kawalan dalam usaha memulihkannya (Imaduddin & Noor Shakirah, 2016). Di Malaysia, antara isu berkaitan kesan daripada pencemaran alam sekitar yang sering diketengahkan oleh pelbagai pihak adalah banjir (termasuklah banjir kilat), pencemaran sungai, pencerobohan hutan simpan dan tanah runtuh. Sebagai contoh, kejadian banjir di Malaysia sebenarnya adalah satu fenomena yang sering berlaku semenjak tahun 1971 lagi. Banjir terburuk pernah melanda di beberapa buah kampung sekitar Selangor dan Kuala Lumpur seperti Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Baru, Semenyih, Kampung Arang Batu dan Penempatan Orang-orang Asli Changkat Bintang di Hulu Selangor.

Sehingga kini, kejadian banjir masih lagi berlaku setiap tahun termasuklah di kawasan-kawasan bandar terutamanya banjir kilat. Kejadian sebegini masih belum dapat ditangani sepenuhnya kerana kekangan utamanya adalah mentaliti dan sikap masyarakat yang masih kurang kesedaran terhadap punca-punca kepada bencana ini seperti pembuangan sampah di longkang serta aktiviti-aktiviti pembangunan yang tidak lestari. Namun begitu, pihak kerajaan mahupun swasta masih lagi meneruskan pelbagai rancangan dan langkah-langkah jangka panjang demi memastikan alam sekitar berupaya dipelihara dan dipulihara sebaik mungkin. Ia secara langsungnya juga dapat mengelakkan kejadian banjir terus berlaku dalam skala yang luas. Dalam kebanyakan pendekatan yang dilaksanakan, sektor pendidikan masih dilihat sebagai medium terbaik untuk memastikan krisis alam sekitar di Malaysia mampu ditangani dengan lebih menyeluruh terutamanya dari sudut memperbaiki cara berfikir (mentaliti) masyarakat.

Justeru, pendidikan alam sekitar yang disampaikan di semua sekolah dan institusi pengajian tinggi perlu diterus dan diperkasakan. Walaupun ada beberapa kejadian banjir yang dikaitkan dengan taburan hujan yang tinggi, hakikatnya ia turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti pembinaan bangunan-bangunan yang tidak sistematik serta penarahan kawasan hutan dan bukit secara tidak terkawal

(Haliza, 2007). Situasi tersebut juga dikenal pasti sebagai antara punca utama kepada kejadian banjir kilat di Kuala Lumpur pada 12 November 2018. Ketika itu, punca banjir adalah disebabkan oleh sistem perparitan yang tersumbat, akibat dihalang oleh bahan-bahan binaan bagi projek pembangunan sedia ada yang masih berjalan (*Sinar Harian*, 2018).

Selain membangkitkan permasalahan banjir, isu pencemaran sungai juga sering diketengahkan di Malaysia. Sungai merupakan sumber alam yang penting kepada kehidupan manusia dan pembangunan negara. Mentaliti dan sikap masyarakat termasuklah pihak industri yang tidak berusaha untuk menguruskan sampah mahupun sisa pepejal secara bertanggungjawab iaitu sering membuangnya ke dalam sungai telah mengakibatkan air sungai seringkali tercemar dan berbahaya untuk digunakan penduduk setempat. Pencemaran sungai selalunya berlaku lebih serius apabila wujud komuniti setinggian di tebing sungai yang tidak prihatin menjaga ekosistem di kawasan sungai. Komuniti setinggian tebingan sungai kebiasaannya menjalankan aktiviti pembuangan sisa pepejal, cecair dan kumbahan ke dalam saluran sungai sehingga mengganggu ekosistem di kawasan tersebut. Kesan daripada mentaliti dan sikap sedemikian, maka sungai menjadi tercemar bahkan mengancam masyarakat sekeliling seperti pembawaan penyakit berjangkit melalui air serta keracunan sumber minuman dan makanan. Ini juga secara langsungnya telah mengancam rangkaian hidupan di sungai akibat kadar pepejal terlarut yang tinggi dan sebagainya (Hamidi, Tuan Pah Rokiah & Raman, 2010).

Malaysia juga pernah mengalami insiden pencemaran sungai akibat daripada pembuangan haram sisa beracun di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor. Insiden tersebut turut menghasilkan keracunan udara yang berlaku dalam tempoh sekitar dua minggu semenjak 7 Mac 2019. Ia telah menjejaskan kehidupan masyarakat yang berada di sekitarnya termasuklah para pelajar sehinggakan sebanyak 111 buah sekolah terpaksa ditutup sementara. Pembuangan sisa kimia beracun seperti metana, hidrogen klorida, acrylonitrile, acrolein, benzene, toluene, xylene and limonene oleh pihak industri telah memberi kesan yang besar terhadap kesihatan penduduk kerana gas berbahaya yang dilepaskan telah menjejaskan kualiti udara (Mohamed Farid, 2019). Mentaliti dan sikap manusia yang tidak bertanggungjawab dan mengambil jalan mudah untuk melupuskan bahan kimia tersebut telah mengakibatkan sejumlah 5848 kanak-kanak dan orang dewasa mengalami gangguan kesihatan serta perlu mendapatkan rawatan di hospital dan pusat kesihatan yang berdekatan (Irwan Shafrizan, 2019). Sebelum ini, isu pencemaran sungai juga pernah berlaku di Janda Baik, Pahang. Ia adalah akibat daripada sindiket haram yang menceroboh 40 hektar tanah yang telah diwartakan sebagai hutan simpan. Pencerobahan tanah dan hutan untuk pembalakan dan aktiviti pertanian secara besar-besaran telah menyebabkan kualiti sungai menjadi tercemar akibat gangguan pada rangkaian hidupan liar termasuklah sumber airnya (Amin Ridzuan, 2015). Mentaliti dan sikap manusia yang tidak bertanggungjawab ke atas alam, malah lebih ke arah mengeksploitasi sumber alam secara tidak terkawal merupakan penyumbang utama kepada krisis alam sekitar di Malaysia.

Tiadanya keseimbangan antara kemajuan dan pembangunan dengan kelestarian ekosistem, telah menjadikan krisis alam sekitar seakan-akan tiada kesudahan (Tajul Ariffin, 1990). Walaupun pelbagai etika mahupun undang-undang alam sekitar telah diwujudkan berdasarkan *Akta Kualiti Alam Sekeliling*, namun kesedaran orang awam terhadap penjagaan alam sekitar belum cukup memberangsangkan akibat cara berfikir (mentaliti) mereka masih jauh ketinggalan dalam menghargai sumber alam.

Hasil kaji selidik Jamilah et al. (2011) menunjukkan bahawa pengetahuan dan sikap orang awam di Malaysia terhadap isu-isu alam sekitar berada pada tahap yang rendah dan membimbangkan. Pengetahuan dan sikap masyarakat yang tidak prihatin terhadap isu-isu alam sekitar tersebut telah membawa mesej yang jelas bahawa perlunya pendidikan alam sekitar yang mempunyai keupayaan untuk melestarikan cara berfikir (mentaliti) masyarakat ke arah yang lebih makmur.

## **HUBUNGAN ANTARA PENDIDIKAN DAN ALAM SEKITAR**

Pendidikan merupakan medium penting dalam proses pembangunan manusia. Ia berfungsi untuk membina masyarakat ke arah yang cemerlang dari sudut ekonomi, politik dan sosial. Masyarakat dan pendidikan wajar bergerak seiring memandangkan acuan tersebut berupaya membentuk individu yang peka, mahir dan intelek dalam melaksanakan sesuatu perkara berdasarkan tindakan baik dan buruk. Dalam konteks falsafah, 'pendidikan' dikategorikan sebagai satu mekanisme paling penting untuk melahirkan rakyat yang terbaik. Ini disebabkan bahawa pendidikan yang baik mampu menghasilkan masyarakat yang baik kerana terbentuknya sesuatu masyarakat yang baik adalah kesan daripada mentaliti mereka yang telah menerima pendidikan yang baik (Plato, 1966). Pendidikan juga dianggap satu tenaga untuk mencapai kecerdikan dan moral yang tinggi (Idris, 2000). Justeru, pendidikan digunakan sebagai jalan untuk menyampaikan maklumat dan mendidik manusia agar berakhlak mulia melalui keimanan dan manfaat akal kurniaan Tuhan. Melalui pendidikan, mentaliti manusia berupaya diperkasakan bagi melahirkan individu dan masyarakat yang menyumbang kepada kehidupan yang lebih lestari termasuklah berakhlak mulia serta prihatin dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Sebenarnya penggunaan istilah *education* dan *environment* tidak pernah digabungkan antara satu sama lain sehinggalah pada pertengahan tahun 1960 apabila International Union for the Conservation of Nature and Natural Resources (IUCN) telah mendefinisikan 'pendidikan alam sekitar' seperti berikut (Palmer, 2003):

*“Environmental education is the process of recognising values and clarifying concepts in order to develop skills and attitudes necessary to understand and appreciate the inter-relatedness among man, his culture, and his biophysical surroundings. Environmental*

*education also entails practice in decision-making and self-formulation of a code of behaviour about issues concerning environmental quality” (IUCN, 1970).*

Isu hubungan antara pendidikan dan alam sekitar (pendidikan alam sekitar) turut mendapat perhatian meluas dalam kalangan sarjana sebagaimana Stapp (1969) menjelaskan bahawa pendidikan alam sekitar merupakan salah satu usaha untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan tentang alam sekitar dan masalahnya, memiliki kesedaran untuk menangani permasalahan tersebut seterusnya berusaha untuk menyelesaikannya. Isu alam sekitar dalam pendidikan berupaya tinggi memberi kefahaman yang jelas bahawa manusia adalah sebahagian daripada sistem alam dan persekitaran biofizik, bahkan manusia itu sendiri bertanggungjawab untuk menjaga hubungan sistem tersebut. Bagi Filho (1997) pula, isu alam sekitar yang disampaikan melalui pendidikan adalah satu proses pemahaman nilai alam sekitar dengan tujuan untuk menggalakkan masyarakat menggunakan sumber alam sekitar dengan lebih mapan.

Rentetan daripada pandangan-pandangan di atas jelas menunjukkan tentang kepentingan melestarikan mentaliti masyarakat melalui pendidikan. Perkara sedemikian bukan sahaja turut mendapat perhatian di peringkat umum, malah ia juga telah diketengahkan melalui persidangan antarabangsa pendidikan alam sekitar yang diadakan di Belgrade (1975) dan Persidangan Tbilisi (1977). Antara tiga (3) objektif utama yang telah digariskan dalam persidangan di Belgrade oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) adalah (Palmer, 2003):

1. Meningkatkan kesedaran dan keprihatinan tentang ekonomi, sosial, politik dan ketergantungan ekologi di bandar dan luar bandar.
2. Memberi peluang kepada setiap individu untuk memperoleh nilai, sikap, komitmen dan kemahiran yang diperlukan untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar.
3. Membentuk tingkah laku individu, kumpulan dan masyarakat secara keseluruhan ke arah alam sekitar.

Secara jelas apabila wujudnya keserasian antara ‘pendidikan’ dan ‘alam sekitar’ sebagai ‘pendidikan alam sekitar’, matlamatnya yang paling penting adalah untuk membentuk mentaliti individu dan komuniti ke arah kehidupan yang lestari. Tambahan pula, pelaksanaan pendidikan alam sekitar juga adalah bertujuan untuk membina masyarakat yang sentiasa bersedia untuk mendepani segala isu dan cabaran berkaitan krisis alam sekitar dalam sepanjang kehidupan masing-masing (Haliza, 2017). Sebab itulah kebanyakan negara mengambil bahagian terhadap seruan penjagaan alam sekitar dengan menjadikan pendidikan sebagai jalan untuk membina masyarakat lestari yang berpengetahuan dan sensitif terhadap isu-isu alam sekitar termasuklah di Malaysia.

Di Malaysia, pihak kerajaan telah memainkan peranan penting dalam usaha membaik pulih krisis alam sekitar yang berlaku iaitu dengan melaksanakan pendidikan alam sekitar. Melalui Kementerian Pendidikan Malaysia, usaha untuk mewujudkan masyarakat yang bermentaliti lestari iaitu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap isu alam sekitar adalah dengan merealisasikan pendidikan alam sekitar semasa dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Pendidikan alam sekitar telah diserap dalam sistem pendidikan secara formal di peringkat sekolah kebangsaan. Oleh itu, kurikulum pendidikan di Malaysia mengalami transformasi dengan wujudnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang menyepadukan pendidikan alam sekitar dalam sukatan mata pelajaran sekolah. Elemen alam sekitar telah diterapkan menerusi Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam KBSR dan KBSM dan kini masih diteruskan dalam pelaksanaan sistem Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Antara perkara yang berada dalam EMK ialah elemen bahasa, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi, nilai murni, patriotisme, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pendidikan kewangan, keselamatan jalan raya dan kelestarian global (Ghazali et al., 2018).

Pada dasarnya, pendidikan alam sekitar merentas kurikulum mula dilaksanakan pada tahun 1982 di 305 buah sekolah rendah dan seterusnya dilaksanakan di kesemua sekolah rendah pada tahun 1983. Seterusnya pada tahun 1986, mata pelajaran khusus *Alam dan Manusia* telah diperkenalkan kepada murid tahap 2 (tahun 4, 5 dan 6) yang meliputi gabungan sukatan mata pelajaran *Geografi, Sains, Sejarah, Pendidikan Moral* serta *Pendidikan Jasmani dan Kesihatan* (Aini, Nor Azura & Fakhru'l-Razi, 2011). Matlamat mata pelajaran *Alam dan Manusia* adalah untuk memberi kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar kepada setiap manusia agar dapat mengekalkan kehidupan yang harmoni. Mata pelajaran ini dirangka supaya ia dapat membekalkan pengetahuan dan kesedaran alam sekitar kepada murid agar mereka dapat menghargai dan peka terhadap sebarang perubahan yang berlaku pada persekitaran. Walau bagaimanapun, mata pelajaran *Alam dan Manusia* tidak mampu bertahan lama dalam kurikulum, sebaliknya telah dimansuhkan pada tahun 1995 kerana matlamat pendidikan alam sekitar tidak tercapai sepenuhnya. Menurut Haliza Abdul Rahman (2017), pemansuhan ini menunjukkan bahawa pendidikan alam sekitar dari sudut isi kandungannya tidak memberangsangkan dan ia seharusnya dikaji semula daripada segi kandungan dan keberkesannya bagi penambahbaikan. Walaupun pendidikan alam sekitar tidak diajar secara langsung dalam satu subjek khusus, namun pendidikan alam sekitar secara formal merentas kurikulum tetap diteruskan sehingga kini kerana keperluan pendidikan alam sekitar begitu mendesak untuk mendidik moral masyarakat ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



## **PENDIDIKAN ALAM SEKITAR DALAM MEMBINA MENTALITI LESTARI**

Pendidikan alam sekitar secara merentas kurikulum mengintegrasikan pembelajaran secara formal dan tidak formal di sekolah dan kaedah yang digunakan perlu mengintegrasikan ruang lingkup pembelajaran asas alam sekitar. Kaedah pelaksanaan pendidikan alam sekitar secara formal di sekolah berlaku dalam bilik darjah manakala pendidikan alam sekitar secara tidak formal ialah melalui aktiviti kokurikulum berbentuk program lapangan atau projek seperti Kelab Alam Semula Jadi, Projek 3K (Keselamatan, Keceriaan dan Kecantikan), pertandingan kuiz, Kempen Kitar Semula, ceramah dan lawatan (Mohammad Zohir & Nordin, 2007). Pelaksanaan pendidikan alam sekitar ini perlu mengambil kira ruang lingkup pembelajaran asas alam sekitar melalui tiga pendekatan iaitu 'pendidikan tentang alam sekitar', 'pendidikan dalam alam sekitar' dan 'pendidikan untuk alam sekitar' sebagaimana dalam Rajah 1 di bawah (Tilbury, 1995):




FIG. 2. Differing environmental education approaches (Tilbury, 1993).

Setiap pendekatan pembelajaran alam sekitar ini mempunyai objektif yang berbeza. ‘Pendidikan tentang alam sekitar’ merupakan pendekatan informatif iaitu memberi pemahaman tentang interaksi manusia dan alam sekitar. Kebiasaannya, pendekatan ini sering diajar dalam kurikulum *Sains* dan *Geografi* kerana alam sekitar merupakan tema utama pembelajaran. ‘Pendidikan dalam alam sekitar’ pula bermaksud pendidikan yang berpusatkan kepada pembelajaran aktiviti di luar kelas.



Sebahagian besar pendekatan ini dikembangkan melalui kerja lapangan dan menggalakkan hubungan secara langsung antara manusia dan alam seperti kerja lapangan di hutan atau tempat pelupusan sampah. Dalam hal ini, 'pendidikan dalam alam sekitar' dikategorikan sebagai pendidikan yang berpusat di hati manakala 'pendidikan tentang alam sekitar' berpusat di kepala iaitu bersifat kognitif. Di samping itu, 'pendidikan untuk alam sekitar' lebih bersifat holistik kerana menerapkan nilai tanggungjawab dalam diri murid serta menggalakkan penglibatan aktif mereka dalam menyelesaikan permasalahan alam sekitar (Tilbury, 1995). Pendekatan pendidikan alam sekitar sebagaimana yang digambarkan oleh Tilbury dalam rajah di atas adalah memfokuskan kepada matlamat dan objektif pendidikan alam sekitar sendiri. Justeru, pendidikan alam sekitar di peringkat sekolah perlu menekankan ketiga-tiga pendekatan ini untuk menghasilkan murid yang mempunyai kesedaran yang tinggi, akibat daripada terbentuknya mentaliti (cara berfikir) lestari, yang akhirnya meningkatkan tahap kesedaran dan bersikap baik terhadap kewujudan alam sekeliling.

Salah satu medium penyampaian pendidikan alam sekitar merentas kurikulum di sekolah adalah melalui pembacaan buku teks. Buku teks merupakan bahan rujukan rasmi bagi setiap mata pelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah dalam konteks pendidikan di Malaysia. Ia merupakan sumber utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi semua mata pelajaran yang telah disusun sejak sistem pendidikan formal dilaksanakan di sekolah. Kandungan buku teks mencerminkan nilai masyarakat, harapan dan cita-cita sebuah negara (Tay Meng Guat, 2010). Sehubungan itu, kandungan buku teks mestilah mempunyai kesan yang baik pada mentaliti pelajar termasuklah sentiasa prihatin dengan situasi alam sekitar kerana ia adalah salah satu EMK yang penting dalam memperkasakan sistem pendidikan di Malaysia. Ini diterapkan dalam kebanyakan buku teks sekolah seperti *Bahasa Melayu*, *Bahasa Inggeris*, *Sains*, *Pendidikan Sivik*, *Geografi*, *Pendidikan Islam*, *Bahasa Arab* dan *Pendidikan Moral*. Walau bagaimanapun, dapatan kajian oleh Aini, Nurizan dan Fakhru'l-Razi (2007), Aini, Nor Azura dan Fakhru'l-Razi (2011) serta Nurul Hidayah Liew, Haryati dan Seow Ta Wee (2013) menunjukkan bahawa buku teks bukanlah alat penyampaian pengetahuan tentang alam sekitar yang paling berpengaruh. Dapatan mereka juga menunjukkan bahawa pengetahuan murid berkaitan alam sekitar lebih banyak diperolehi melalui televisyen, surat khabar dan guru. Dengan kata lain, mentaliti anak-anak dalam konteks kontemporari banyak dipengaruhi oleh banyak faktor persekitaran termasuklah media arus perdana dan guru yang berinovasi dalam pengajaran.

Menurut Aini, Nor Azura dan Fakhru'l-Razi (2011), peranan buku teks hampir diketepikan sepenuhnya kerana peratusan suratkhbar dan televisyen lebih mendominasi dan hanya seorang responden daripada 163 orang murid menyatakan bahawa buku teks merupakan sumber utama pemerolehan ilmu pengetahuan mengenai alam sekitar. Namun begitu, kajian mereka juga menunjukkan bahawa murid Tahun 6 telah menjadikan buku teks sebagai pilihan kedua dan ketiga iaitu selepas faktor guru dalam menyampaikan maklumat berkaitan alam sekitar (Nurul

Hidayah Liew, Haryati & Seow Ta Wee, 2013). Justeru, peranan buku teks masih dianggap penting dalam memperkasakan pendidikan alam di Malaysia terutama sekali dalam pembelajaran di sekolah. Akan tetapi, ia masih memerlukan penambahbaikan agar isi kandungannya lebih jelas, menarik perhatian dan mudah difahami khususnya aspek bahasa yang meliputi pemilihan kata-kata kunci (*keywords*), susunan dan cara penyampaian.

## **PENGISIAN PENDIDIKAN ALAM SEKITAR**

Pengisian pendidikan tentang alam perlulah ditonjolkan dengan bahasa yang baik dan berkesan supaya matlamat untuk membentuk mentaliti masyarakat yang bertanggungjawab ke atas alam dapat direalisasikan (Plato, 1966). Dalam konteks falsafah Islam, penggunaan bahasa yang baik bagi membincangkan isu alam sekitar seperti penggunaan kata kunci 'syukur', 'nikmat', 'rahmat', 'amanah', 'makmur' dan sebagainya menunjukkan bahawa bahasa dalam pendidikan alam sekitar adalah untuk mentarbiyah manusia agar mengenali dan mendekati Penciptanya, Allah SWT. Pelajar mahupun masyarakat Malaysia sering dilazimkan dengan ungkapan seperti 'moden', 'pembangunan', 'kemajuan', 'ekonomi', 'industri', dan 'perladangan' apabila diajarkan pendidikan alam sekitar. Ini seolah-olah cuba memerangkap mentaliti mereka kepada budaya yang tidak lestari kerana sifat kata-kata kunci tersebut adalah cenderung ke arah menggunakan sumber alam sebanyak mungkin bagi memenuhi segala keinginan manusia. Ia cukup berbeza dengan pendekatan Islam yang begitu jelas menekankan bahawa mempelajari tentang alam sekitar adalah untuk mengenali Penciptanya dengan lebih mendalam. Perbezaan tersebut berlaku kerana alam diciptakan kepada manusia bukanlah semata-mata untuk memberi manfaat zahir kepada mereka, malah keutamaannya adalah untuk memberi manfaat batin iaitu meningkatkan keimanan mereka kepada Tuhan sebagai Pencipta sekalian alam. Oleh itu, bahasa yang disampaikan dalam pendidikan alam sekitar perlulah mempunyai mesej yang cukup mendalam kerana ia mempunyai nilai pandangan alam (*worldview*) yang tertentu untuk dipelajari dan dikuasai, seterusnya dihayati secara zahir dan batin. Kesannya bukanlah semata-mata hanya untuk mengubah cara berfikir (mentaliti) masyarakat, malah menguatkan keimanan dalam beragama, membuat segala kebaikan dan meninggalkan segala larangan-Nya termasuklah menjauhi budaya kehidupan yang merosakkan alam sekitar. Justeru, pengisian dalam pendidikan alam sekitar perlulah selari dengan matlamat tarbiyah itu sendiri iaitu untuk membentuk manusia sebagai khalifah dan hamba kepada Pencipta seluruh alam.

Bahasa merupakan wahana penyampaian penting di peringkat pendidikan seterusnya menjadi salah satu unsur yang membentuk tamadun manusia ke arah kecemerlangan. Bahasa juga ialah wahana yang digunakan sejak zaman dahulu sehingga kini dalam proses penyampaian ilmu turun-temurun. Menurut Awang Sariyan (2009), bahasa menjadi pertalian dalam proses pendidikan, juga sebagai satu asas penting dalam proses pembinaan tamadun insan. Secara umumnya,

pendidikan bahasa boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk yang relevan. Pertama, bahasa dikenali sebagai satu cabang ilmu yang perlu dipelajari sebagaimana sains perlu dipelajari untuk mengenali fungsinya dalam kehidupan manusia serta untuk mengakui kebesaran Allah sebagai pencipta segala sesuatu. Kedua, bahasa sebagai wahana penyampaian ilmu dan menjadi alat terpenting dalam proses pendidikan secara keseluruhannya. Pendidikan bahasa telah diajar oleh Allah SWT kepada umat manusia sejak turunnya wahyu pertama kepada nabi Muhammad s.a.w. Ia merupakan satu isyarat penting tentang keperluan pendidikan termasuklah dari aspek memahami dan menguasai ilmu bahasa. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (manusia). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia dengan perantaraan qalam (yang berkaitan dengan kemahiran menulis dan membaca). Dia mengajar manusia apa-apa yang tidak diketahuinya”.

(al-‘Alaq 96: 1 - 5)

Dalam surah tersebut, Allah s.w.t menekankan kepentingan membaca sebagai salah satu kemahiran berbahasa. Pengurniaan bahasa oleh Allah s.w.t kepada manusia membolehkan berlakunya pendidikan pada peringkat masyarakat melalui pewarisan daripada generasi kepada generasi seterusnya. Tanpa bahasa, tidak mungkin berlaku komunikasi di antara anggota masyarakat dari zaman dahulu sehingga kini (Awang, 2009). Tanpa bahasa juga, masyarakat tidak dapat dibentuk kerana struktur sesebuah masyarakat terbina berasaskan perhubungan yang saling memahami menerusi perantaraan bahasa dan melalui kaedah penyampaian dan penerimaan maklumat (Zulkifley, 2007).

Hakikat bahasa sebagai wahana ilmu dan pendidikan ini juga turut dijelaskan oleh Imam al-Ghazali (m. 1111M) dalam skema hierarki ilmu. Beliau telah membahagikan ilmu terpuji kepada empat kategori iaitu ilmu yang bertaraf pokok, cabang, mukadimah dan pelengkap. Ilmu pokok atau usul terdiri daripada empat sumber iaitu kitab Allah, Sunnah Rasul, ijmak ulama dan warisan para sahabat. Ilmu cabang atau furuk pula terdiri daripada ilmu-ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi. Ilmu mukadimah atau ilmu pengantar merupakan alat untuk mengetahui isi kitab Allah dan sunnah rasul. Ilmu alat ini terdiri daripada ilmu bahasa dan tatabahasa yang perlu dipelajari untuk keperluan agama kerana semua agama lahir melalui bahasa. Ilmu keempat ialah ilmu pelengkap iaitu ilmu tentang al-Quran termasuk tajwid, qiraah, tafsir, hukum, usul fiqh serta ilmu penyempurnaan tentang sunnah nabi seperti perawi-perawi hadith (al-Ghazali, 1988). Hierarki ilmu menurut al-Ghazali jelas meletakkan ilmu bahasa dan tatabahasa sebagai ilmu asas yang cukup signifikan untuk pemerolehan dan penyebaran ilmu. Oleh itu, peranan pendidikan bahasa mempunyai pertalian erat dengan pendidikan umum khususnya dalam konteks fungsi bahasa sebagai wahana pemerolehan dan penyebaran ilmu, atau dengan kata lain “bahasa merentas kurikulum” (Awang, 2009).

Selain itu, peranan bahasa dalam bidang pendidikan pada hakikatnya turut berkembang bersama-sama dengan perkembangan kebudayaan. Ketinggian darjat kebudayaan sesuatu bangsa dapat dinilai oleh bahasa. Misalnya, kebudayaan yang dikatakan moden dapat dihubungkan dengan modennya bahasa masyarakat yang mendukung kebudayaan tersebut seperti bahasa Inggeris, Perancis, Jerman dan sebagainya. Di samping itu juga, bahasa adalah salah satu unsur yang meletakkan martabat manusia lebih tinggi daripada haiwan. Bahasa adalah cerminan akal atau fikiran. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa bahasa mempunyai pertalian yang erat dengan fikiran (Awang, 1988). Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa pendidikan bukan sahaja melibatkan perubahan mentaliti, tetapi sejauh mana keimanan yang dimiliki oleh seseorang dalam usaha mencari ilmu (Emie Sylviana, 2019). Justeru, dalam sukatan pendidikan alam sekitar, penggunaan bahasa dalam menghuraikan isu-isu berkaitan alam sekitar perlulah juga mempunyai impak yang besar untuk mempengaruhi mentaliti agar lebih lestari, malah boleh meningkatkan lagi keimanan pelajar kepada Pencipta alam. Kerangka ini akan memberikan gambaran jelas bahawa pendidikan alam sekitar semestinya bersifat menguatkan lagi hubungan ketaatan manusia kepada Penciptanya dari sudut pandangan alam (*worldview*), bukannya secara memisahkannya (sekular).

Penggunaan bahasa dan pengaruhnya kepada budaya boleh didapati secara meluas dalam semua kelompok masyarakat mengikut keberadaan masyarakat tersebut. Bahasa juga menjadi wahana dalam sistem pendidikan di peringkat global. Pertuturan bahasa serta penyampaian bahasa melalui pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting yang perlu diambil kira kerana bahasa membentuk kelakuan dan sikap sesuatu masyarakat. Kenyataan ini disokong oleh Hodge dan Kress sebagaimana dalam penulisan Ehya, Fatemeh dan Ali (2010) yang menyatakan bahasa dipercayai dapat membentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir. Bahasa juga dapat dilihat sebagai instrumen yang berupaya untuk membentuk ideologi seseorang seterusnya mengubah sosial mereka. Menurut Zulkifley Hamid (2007), bahasa yang digunakan dalam sesuatu kelompok masyarakat akan menjadi salah satu daripada penentu corak pemikiran masyarakat tersebut. Bahasa yang digunakan oleh sesebuah masyarakat sebagai wahana komunikasi pada tahap-tahap yang tertentu mempunyai peranan yang cukup penting dalam mencorak norma kehidupan sesebuah masyarakat. Bahasa yang digunakan menjadi penghubung bentuk pemikiran dan seterusnya bentuk pemikiran akan menjadi kerangka pelbagai bentuk tingkah laku dan tindakan. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahasa dan budaya sesebuah masyarakat adalah saling mempengaruhi antara satu sama lain. Budaya seseorang atau sesebuah masyarakat turut mencorakkan tindakan mereka ke atas alam sekitar. Aktiviti harian manusia tidak mungkin dapat dipisahkan daripada ruang tindakan mereka terhadap alam sekitar. Budaya kehidupan sesebuah masyarakat sememangnya sangat mempengaruhi alam sekitar bahkan budaya yang tidak sesuai boleh menyebabkan kerosakan alam sekitar yang serius kerana dorongan manusia untuk terus mengeksploitasi sumber alam. Sebagai contoh, mentaliti membuang sampah dan

sis toksik oleh pihak kilang ke dalam sungai serta pembakaran hutan secara besar-besaran untuk tujuan perladangan, merupakan punca utama kepada kekerapan berlakunya krisis pencemaran air sungai dan jerebu di Malaysia kebelakangan ini. Mentaliti dan budaya sedemikian perlu diubah dan ditangani secara berkesan terutama sekali melalui pengisian pendidikan alam sekitar yang lebih berkesan. Namun, pengisian tersebut perlulah bersifat holistik iaitu memastikan wujudnya hubungan erat antara manusia, Pencipta dan alam.

Kegagalan mengubah pandangan alam (*worldview*) yang selama ini sekular dalam memahami nilai alam sekitar, turut memberi impak yang besar terhadap mentaliti, budaya mahupun gaya hidup yang merosakkan alam sekitar. Contohnya, situasi sumber alam yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negara-negara maju dan golongan elit seperti lebihan makanan yang elok tetapi secara lazimnya dibuang begitu sahaja kerana tidak mampu dihabiskan serta situasi kenderaan persendirian yang begitu banyak dimiliki oleh seseorang sehingga melebihi keperluan diri. Semua ini melibatkan pembaziran sumber alam yang melampau serta memudaratkan kedudukan alam itu sendiri (Mohd Zuhdi & Amer Saifude, 2002).

## **KESIMPULAN**

Dalam meningkatkan tahap kesedaran masyarakat Malaysia tentang krisis alam sekitar, tidak dapat dinafikan bahawa cabaran yang paling besar adalah kesukaran untuk mengubah cara berfikir (mentaliti) mereka walaupun ia hanya melibatkan segelintir individu mahupun kelompok tertentu sahaja. Ini kerana kesannya adalah cukup besar memandangkan krisis alam sekitar adalah dirasai oleh masyarakat sekeliling biarpun pelaku kerosakan tersebut hanyalah beberapa individu yang tidak bertanggungjawab. Namun begitu, ia bukanlah penamat kepada usaha meningkatkan mutu pendidikan alam sekitar secara rentas kurikulum. Apa yang perlu diketengahkan adalah penambahbaikan dan pemerkasaan dari sudut pengisian dan penyampaiannya, selari dengan pergerakan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang sedang berlaku. Ini kerana, penggunaan media sosial kini telah menjadi medium utama dalam memahamkan masyarakat tentang isu-isu alam sekitar di Malaysia berbanding pendekatan konvensional di sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Di samping itu, sukatan pendidikan alam sekitar sedia ada perlulah diperkayakan dengan nilai tambah yang bersifat kontemporari termasuklah membawakan contoh-contoh yang lebih jelas, kritikal, terkini dan realistik untuk ditangani. Bahasa penyampaiannya pula mestilah terdiri daripada kata-kata kunci (*keywords*) yang mempunyai pandangan alam yang sejagat, bukannya sekular sehingga membawa kepada mentaliti mengabaikan hak kewujudan alam dan Penciptanya.

**PENGHARGAAN**

Terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menaja penulisan ini di bawah geran penyelidikan. Kod Projek: GGPM-2017-129.

**RUJUKAN**

al-Quran.

- Aini Mat Said, Nurizan Yahaya & Fakhru'l-Razi Ahmadun (2007). Environmental comprehension and participation of Malaysian secondary school students. *Environmental Education Research* 13(1): 17-31.
- Aini Mat Said, Nor Azura S & Fakhru'l-Razi Ahmadun (2011). Impact of environmental education on concern, knowledge and sustainable behavior of primary school children. *Health and the Environment Journal* 2(1): 50-53.
- Amin Ridzuan Ishak (2015). Janda Baik semakin panas. *Berita Harian Online*. 30 Mac 2015 [diakses pada 30 April 2019].
- Anon. (2018). Banjir kilat di KL, ini puncanya... *Sinar Harian*. 28 November [diakses pada 30 April 2019].
- Awang Sariyan (1988). *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan (2009). Peranan bahasa dalam pembinaan insan dan pembangunan masyarakat Hadhari. *Jurnal Hadhari* 1: 1-29.
- Carson, R. (1962). *Silent Spring*. Boston : A Mariner Book.
- Ehya Amalsaleh, Fatemeh Javid & Ali Rahimi (2010). The power of language and ELT textbooks. *Procedia Social and Behavioral Science* 9: 2052-2056.
- Emie Sylviana Mohd Zahid (2019). Pembangunan spiritual: konsep dan pendekatan dari perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding* 2(2019): 64-87.
- Filho, W. L. (1997). Integrating environmental education and environmental management. *Environmental Management and Health* 8(4): 80-82.
- al-Ghazali (1988). *Ihya' Ulumiddin*. Terj. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Ghazali Zainuddin, Noor Azli Mohamed Masrop, Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Muhammad Sabrir Shahrir (2018). Penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dalam buku teks Bahasa Arab sekolah rendah tahun enam. *5th International Research Management & Innovation Conference*, hlm. 1-10.
- Haliza Abdul Rahman (2007). Suatu tinjauan terhadap permasalahan banjir kilat di Lembah Klang. Kertas kerja Persidangan Geografi. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, 8-9 September.
- Haliza Abdul Rahman (2017). Usaha dan cabaran dalam mengaplikasikan pendidikan alam sekitar dalam sistem persekolahan di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 1(2):61-70.

- Hamidi Ismail, Tuan Pah Rokiah Syed Hussain & Raman Mariyappan (2010). Sikap komuniti setinggan tebingan sungai: pencemaran dan pengurusannya. *Jurnal Perspektif* 3(1): 1-12.
- Idris Zakaria (2000). Falsafah dan sistem pendidikan: perbandingan antara Plato dan Aristotle. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam* 1(1): 101-122.
- ‘Imaduddin Abdul Halim & Noor Shakirah Mat Akhir (2016). Tafsir ayat-ayat al-Qur’an berkenaan penjagaan alam sekitardan analisis isu-isu alam sekitar di Malaysia. *Jurnal Afkar* 18(1) : 91-130.
- Irwan Shafrizan Ismail (2019). 5848 terkesan dengan pencemaran Sungai Kim Kim. *Berita Harian Online*. 20 Mac 2019 [diakses pada 30 April 2019].
- Jamilah Hj Ahmad, Hasrina Mustafa, Hamidah Abd Hamid & Juliana Abdul Wahab (2011). Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu alam sekitar. *Akademika* 81(3): 103-115.
- Meng, Y., Kelly, F. J. & Wright, S. L. (2020). Advances and challenges of microplastic pollution in freshwater ecosystems: A UK perspective. *Environmental Pollution* 256(2020): 1-15.
- Mohamed Farid Noh (2019). 8 sebatian kimia berbahaya di Sungai Kim Kim. *Berita Harian Online*. 13 Mac 2019 [diakses pada 30 April 2019].
- Mohd Zuhdi Marsuki & Amer Saifude Ghazali (2002). *Etika Alam Sekitar daripada Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Nurul Hidayah Liew Abdullah, Haryati binti Shafii & Seow Ta Wee (2013). Pengetahuan dan tingkah laku murid terhadap alam sekitar: satu kajian awal. Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke- 4, hlm. 343-347.
- Nurulnabila Anis Mat Seman & Maizatun Mustafa (2019). Jerebu rentas sempadan: isu dan cabaran undang-undang di Malaysia dalam mengekalkan kualiti udara yang baik. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 6(1): 1-15.
- Palmer, J. A. (1998). *Environmental Education in the 21<sup>st</sup> Century*. London: Routledge.
- Plato (1966). *Plato’s Republic*. London : Cambridge University Press.
- Schafer, M. (2018). The fourth industrial revolution: How the EU can lead it. *European View* 17(1): 5-12.
- Stapp, W. B. (1969). The concept of environmental education. *Journal Environmental Education* 1(1): 30-31.
- Tajul Ariffin Noordin (1990). Pendidikan suatu pemikiran semula. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tay Meng Guat (2010). Pandangan guru pelatih terhadap buku teks Bahasa Melayu kurikulum bersepadu sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* 9: 1-13.
- Tilbury, D. (1995). Environmental education for sustainability: defining the new focus of environmental education in the 1990s. *Environmental Education Research* 1 (2): 195-212.



Zulkifley Hamid (2007). Konsep bahasa. Dlm. Zulkifley Hamid & Ramli Md. Salleh Rahmi Aman (pnyt.). *Linguistik Melayu*, hlm. 15-28. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.